



# kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

# Hubungan tanpa restu

Gadis sedih ibu bapa tidak suka teman lelaki bekerja sebagai pembantu am pejabat

## Soalan

**S**AYA mempunyai teman lelaki berumur 24 tahun dan saya berusia 20 tahun.

Saya bingung kerana ibu bapa saya tidak menyukainya hanya disebabkan dia bekerja sebagai pembantu am pejabat. Kami sepejabat dan saya pula bekerja sebagai pembantu tadbir rendah.

Untuk pengetahuan Dr, saya sangat menyayanginya. Sebelum ini saya susah untuk menyayangi lelaki lain selepas saya putus cinta dengan bekas teman lelaki dulu.

Saya benar-benar menyayanginya sehingga tidak

dapat menerima keputusan ibu bapa yang membandingkan saya dengannya hanya disebabkan pekerjaannya.

Saya tahu dia mampu membimbing saya satu hari nanti, tetapi ibu dan bapa pula hanya tahu merendahkan dirinya tanpa pernah cuba mengenali teman lelaki saya itu.

Saya bahagia dengannya dan mahu dia menjadi teman hidup saya. Kami ada merancang untuk bertunang tahun depan, tapi ibu bapa tidak mengizinkan. Sukar untuk saya menerima alasan ibu bapa saya itu.

Apakah yang harus saya lakukan?

Gadis tertekan, Putrajaya

## Jawapan

**K**EINGINAN diri dan pandangan hidup yang berbeza boleh mewujudkan konflik dalam kehidupan termasuk soal mencari jodoh.

Ibu bapa selalu menginginkan yang terbaik terutama dalam soal memilih calon menantu untuk anak mereka. Anak pula sering mempunyai pilihan hati sendiri dan cinta menjadi tunggak kepada pencarian jodoh.

Antara penentu penting ibu bapa dalam memilih calon menantu ialah faktor

pekerjaan. Pekerjaan yang baik diandaikan boleh membantu dalam mencapai kesejahteraan rumah tangga.

Lantas, tidak hairan jika ibu bapa adik tidak merestui perhubungan adik dengan kekasih atas faktor pekerjaannya.

Namun, jenis pekerjaan dan status pendapatan bukan penentu kebahagiaan hidup dan kestabilan kewangan. Kasih sayang, saling memahami, jimat dalam perbelanjaan dan bersederhana dalam hidup menyumbang kepada kesejahteraan rumah tangga.

Dalam masalah hubungan percintaan terlarang adik

ini, sikap keras ibu bapa tidak akan terlerai jika adik membalasnya dengan bersikap keras juga. Jadi, jalan selamat bagi adik ialah memahami corak pemikiran dan pandangan hidup mereka.

Cuba bayangkan jika adik berada di tempat mereka. Cara ini boleh mengurangkan kemarahan adik terhadap mereka. Adik juga akan lebih memahami mengapa mereka menentang perhubungan adik dengan kekasih.

Sebagai anak, cuba sedaya upaya menawan hati ibu bapa agar mereka bersetuju dengan pilihan adik. Buka

hati mereka dengan kunci yang betul.

Kekasih adik juga perlu menunjukkan kesungguhan untuk berusaha keras menjadikan adik sebagai isteri. Dia juga boleh melanjutkan pelajaran untuk memperbaiki taraf hidup. Kesungguhan kekasih adalah bukti cintanya kepada adik.

Soal jodoh adalah ketentuan Tuhan. Dengan usaha dan doa yang bersungguh-sungguh, Dr doakan adik mendapat apa yang adik inginkan. Dr juga akan sentiasa mendoakan supaya perkahwinan adik nanti adalah perkahwinan yang direstui keluarga.

## Soalan

**S**AYA adalah penuntut tahun akhir di sebuah universiti swasta di Kuala Lumpur. Saya kini berhadapan dilema bagaimana menegur sifat rakan serumah yang sentiasa meminjam barang tanpa kebenaran terutama broadband.

Pada mulanya, saya tidak berapa kisah, tetapi lama kelamaan dia menggunakan broadband itu seperti hartanya sendiri.

Saya bukanlah seorang yang kedekut, tapi kadangkala dia seperti tidak memahami bahawa saya juga mempunyai hak untuk menggunakan broadband itu.

Dia ada mengatakan akan berkongsi membayar broadband berkenaan, tetapi sehingga ke hari ini, belum ada sesen pun yang diberinya.

Bagaimana cara terbaik untuk saya memberitahu dia berkaitan perkara ini? Saya tidak mahu kehilangan seorang kawan hanya kerana perkara ini.

Pelajar keliru, Kuala Lumpur

## Jawapan

**D**R memahami dan merasai konflik yang adik alami. Kehidupan sememangnya selalu dipenuhi dengan kedukaan akibat perbuatan orang lain.

## Rakan serumah ambil kesempatan

Apabila kita mahu memenuhi keinginan orang lain, kadangkala kita yang dihipnotik oleh ketidakmampuan untuk memenuhi keinginan itu.

Perasaan memiliki dan dimiliki boleh membuat individu itu merasa mempunyai harga diri dan ia adalah lumrah insan. Perasaan kawan dalam kehidupan besar ertinya. Persahabatan ada suka dan dukanya.

Adakalanya, apabila kita kehilangan seorang sahabat, kita tidak akan mendapat kembali persahabatan itu. Justeru, sebarang permasalahan yang wujud antara sahabat, seelok-eloknya diatasi dengan kemahiran berbincang serta bersikap asertif dengan ketonangan emosi dan fikiran.

Pendek kata, kebijaksanaan diukur bukan kerana kemenangan daripada pergaduhan, tetapi usaha untuk mengelakkannya.

Dr memuji sikap adik yang tidak kedekut, tetapi sekadang ingin membantu kawan. Ada ketikanya, orang lain mengambil kesempatan atas sikap baik kita.

Sikap adik yang banyak

membiarkan keadaan walaupun boleh mengelakkan konflik dengan kawan itu juga boleh meningkatkan rasa tidak puas hati dan tidak dihargai dalam diri adik. Semakin lama perasaan ini dikumpul, adik akan semakin tertekan.

Apa yang adik boleh lakukan ialah cari masa yang sesuai untuk berbincang. Gunakan perkataan yang baik untuk menegur sikap kawan itu. Kenal pasti sikap positif sebelum menegur dirinya.

Kemahiran adik berhadapan dengan kawan untuk mengatasi masalah yang dihadapi akan menentukan tindak balas kawan adik itu.

Mengingati kawan adik secara berhemah dan berterusan mengenai tanggungjawab untuk berkongsi membayar sewa broadband boleh menjadikan persahabatan lebih bermakna.

Sahabat yang baik ialah sahabat yang dapat memaafkan kesilapan sahabatnya dan bersifat ikhlas dalam persahabatan itu.